Wong Kiew Meow lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan Satu Yang Lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–19–93
ABDUL AZIZ H
26 NOVEMBER 1993, 7 JANUARI 1994

Acara Jenayah *— Habeas corpus — Penahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 — Laporan untuk perlanjutan tahanan silap menyatakan tarikh peluputan tempoh 14 hari di bawah s 3(2)(c) — Sama ada penahanan sah — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 s 3(2)(c)*

Acara Jenayah *— Habeas corpus — Penahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 — Terdapat perkataan 'apa-apa' dalam alasan penahanan — Sama ada menjadikan alasan itu terkeluar daripada alasan yang dibenarkan oleh s 6(1) — Sama ada penahanan sah — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 s 6(1)*

Acara Jenayah *— Habeas corpus — Penahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 — Borang pengesahan bahawa orang tahanan diberitahu sebab tahannya tidak dieksibitkan — Sama ada penahanan sah*

Acara Jenayah *— Habeas corpus — Penahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 — Tahanan dibuat di bawah s 3(1) tetapi alasan tahanan diberi mengikut kata-kata s 6(1) — Sama ada penahanan sah — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 3(1) & 6(1)*

Acara Jenayah *— Habeas corpus — Penahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 — Alasan penahanan tidak diterjemahkan kepada pemohon tetapi penerangan mengenai alasan diterjemahkan — Sama ada mencukupi bagi maksud perkara 5 Perlembagaan Persekutuan — Perlembagaan Persekutuan perkara 5*

Perkataan dan Rangkaikata *— 'Pegawai penjaga'*

Pemohon telah ditahan di bawah s 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta itu'). Pemohon memohon writ habeas corpus dan mendakwa bahawa penahanannya adalah tidak sah atas dasar bahawa: (i) terdapat keterputusan rantaian kebenaran yang perlu diberikan oleh pegawai berkenaan di bawah s 3(2) Akta itu kerana laporan untuk perlanjutan tahanan di bawah s 3(2)(c) menyatakan bahawa tempoh tahanan 14 hari luput pada 22 Januari 1993 manakala ia sepatutnya luput pada 23 Januari 1993; (ii) terdapat pengulangan kata 'apa-apa' dalam alasan penahanan yang menjadikan alasan itu terkeluar daripada alasan yang dibenarkan oleh s 6(1); dan (iii) beliau tidak diberitahu sebab-sebab mengapa beliau ditangkap, iaitu kegagalan mematuhi perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan itu') dan k 3(3) Kaedah-Kaedah Dadah

Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 ('Kaedah itu').

Antara sebab yang diberikannya untuk dakwaan (iii) adalah: (i) borang pengesahan bahawa pemohon telah diberitahu sebab-sebab beliau ditangkap tidak dieksibitkan seperti dalam kes-kes lain walaupun borang itu tidak diperlukan oleh undang-undang; (ii) afidavit pegawai penangkap tidak menunjukkan pemohon telah diberitahu mengapa beliau ditangkap; (iii) seandainya sebab tangkapan telah diberi, ia tidak memadai kerana manakala penangkapannya dibuat di bawah s 3(1), kata-kata yang digunakan oleh pegawai penangkap untuk memberitahu pemohon sebab mengapa beliau ditangkap adalah kata-kata yang terkandung dalam s 6(1) Akta itu; dan (iv) jika mahkamah mendapati alasan itu memadai, namun ia tidak diterjemahkan kepada pemohon.

Diputuskan, menolak permohonan itu:

(1) Laporan yang perlu dibuat untuk menahan pemohon selama lebih dari 14 hari di bawah s 3(2)(c) Akta itu hanya perlu dibuat sebelum luputnya 14 hari itu. Penunaian syarat s 3(2)(c) Akta itu tidak dijadikan cacat sekiranya pegawai yang membuat laporan itu silap menyatakan tarikh tamatnya tempoh 14 hari itu. Laporan tersebut bukanlah kebenaran. Kebenaran di bawah s 3(2)(b) tidak menyatakan tarikh luputnya kebenaran itu. Oleh kerana laporan itu telah dibuat pada 19 Januari 1993, ia memadai untuk menjadikan penahanan pemohon itu sah.

(2) Menteri sepatutnya menggunakan bahasa yang menunjukkan bahawa beliau memikirkan tentang penglibatan orang itu dengan kegiatan-kegiatan yang sebenar dan diketahui. Pengulangan kata 'apa-apa' itu dalam alasan penahanan memberi tanggapan bahawa beliau masih belum mengenal pasti aktiviti-aktiviti bagi penglibatan itu. Untuk mengelak tanggapan itu, beliau mestilah menggugurkan kata 'apa-apa' itu, dan apa yang paling selamat dikatakan ialah bahawa orang itu 'pernah ada kaitan dengan aktiviti-aktiviti yang berhubungan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya'. Tetapi kesilapan itu tidak menjadikan alasan itu terjatuh di luar skop apa yang dibenarkan oleh s 6(1). Saranan peguam bagi pemohon bahawa kesilapan itu adalah suatu tanda bahawa Menteri telah membuat perintah itu secara mekanikal tanpa menumpukan fikirannya kepada apa yang beliau perintahkan, ditolak.

(3) Borang pengesahan itu digunakan supaya ada rekod dalam fail bahawa alasan tangkapan telah diberitahu, tetapi tidaklah dieksibitkan dalam setiap kes. Ia hanya dieksibitkan sekiranya afidavit pihak pemohon ada menyebut borang itu atau membangkitkan sesuatu mengenainya.

(4) Tidak ada apa yang perlu disebut dalam laporan tentang tangkapan jenis ini melainkan sebab mengapa pemohon telah ditangkap. Apa yang dimaksudkan dalam afidavit pegawai penangkap adalah apa yang telah diberitahu kepada pemohon. Dengan itu, tidak ada merit dalam alasan yang dibangkitkan untuk meragui

keterangan pegawai penangkap dan pegawai penterjemah itu yang menafikan dakwaan pemohon itu.

(5) Sama ada pegawai penangkap itu telah menggunakan jalan terus atau jalan tidak langsung apabila menyampaikan alasan penahanan yang dimaksudkan oleh s 3(1) kepada pemohon dengan menggunakan kata-kata yang terkandung dalam s 6(1), kesannya di sisi-sisi undang-undang adalah sama. Bagi maksud perkara 5(3) Perlembagaan, adalah memadai jika seseorang yang ditangkap itu mengetahui di bawah peruntukan undang-undang manakah dia ditangkap dan apakah perkara yang didakwa terhadapnya supaya membolehkan orang itu memulakan persediaan ke arah pembelaan atau pembebasannya. Adalah tidak perlu bagi orang itu mengetahui sama ada apa yang didakwa terhadapnya adalah sesuatu yang dipercayai, atau yang disyaki atau yang diketahui sebagai pasti oleh pegawai penangkap.

(6) Jika seseorang itu ditangkap dan kemudiannya diberitahu sebab mengapa dia ditahan, apa yang diberitahu itu adalah penerangan. Seandainya pemohon telah diberi penerangan lanjut, itu bermakna alasan yang padat dan formal mengenai sebab tahanannya itu telah dihuraikan. Jika huraian mengenai alasan itulah yang telah diterjemahkan, itu lebih dari mencukupi bagi maksud perkara 5(3) Perlembagaan itu. Oleh itu, tidak terdapat kegagalan mematuhi perkara 5(3) Perlembagaan itu.

(7) Tujuan memberi peringatan kepada seorang tahanan tentang haknya untuk membuat representasi di bawah perenggan (3) Kaedah itu adalah untuk mengingatkan, bukan menggesa. Ianya bukan suatu kaedah mandatori mahupun direktori. Di dalam kes ini, jikapun pemohon tidak diingatkan akan haknya untuk membuat representasi, kegagalan itu tidak sedikitpun menjejaskan kepentingannya. Oleh itu, ketidakpatuhan Kaedah itu tidak membawa apa-apa akibat di sisi-sisi undang-undang.

(8) Pengarah sesuatu pusat tahanan merupakan pegawai penjaga pusat itu bagi maksud pemberian peringatan mengenai hak seorang tahanan untuk membuat representasi di bawah perenggan (3) Kaedah itu.

[English summary

The applicant was detained under s 3(1) of the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 ('the Act'). The applicant applied for a writ of habeas corpus and alleged that his detention was invalid on the grounds, inter alia, that: (i) there was a break in the chain of authority required to be given by the relevant officer pursuant to s 3(2) of the Act as the report for the extension of detention under s 3(2)(c) stated that the 14-day detention period had expired on 22 January 1993 when it actually expired on 23 January 1993; (ii) the word 'any' was repeated in the grounds of detention which brought the grounds outside those allowed under s 6(1); and (iii) he had not been informed of the grounds of his arrest, namely, there was a failure

to comply with art 5(3) of the Federal Constitution ('the Constitution'); and r 3(3) of the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) (Advisory Board Procedure) Rules 1987 ('the Rules').

Among the reasons given for ground (iii) were: (i) the confirmation form that the applicant had been informed of the reasons why he had been arrested was not exhibited as in other cases although the form was not required by law; (ii) the affidavit of the arresting officer did not show that the applicant had been informed why he had been arrested; (iii) assuming that the reasons for his arrest had been given, that was insufficient because although the arrest was pursuant to s 3(1), the words used by the arresting officer to inform the applicant of the reasons for his arrest were those contained in s 6(1) of the Act; and (iv) if the court found that the grounds of arrest were sufficient, nevertheless they were not translated to the applicant.

Held, dismissing the application:

(1) The report required to be made in order to detain the applicant for more than 14 days under s 3(2)(c) of the Act is only required to be made before the expiration of the 14 days. The fulfilment of the condition in s 3(2) of the Act is not made defective if the officer making the report is mistaken in stating the date of expiry of the 14-day period. The report is not the authority. The authority pursuant to s 3(2)(b) did not state the expiry date of such authority. As the report had been made on 19 January 1993, it was sufficient to make the detention of the applicant valid.

(2) The Minister should have used language that showed that he had thought about the involvement of a person with activities that were actual and known. The repetition of the word 'any' in the gounds of detention gave the impression that he had still not identified the activities of such involvement. To avoid that impression, he should discard the word 'any' and the safest thing to say was that the person 'used to be connected with activities that were related to or involved the trafficking of dangerous drugs'. But the mistake did not cause the grounds of detention to fall outside the scope of what was allowed by s 6(1). The suggestion made by the applicant's counsel that the mistake was an indication that the Minister had made the order in a mechanical way without applying his mind to what he was ordering, was dismissed.

(3) The confirmation form is used in order that there is a record in the file that the grounds of arrest have been made known, but it is not exhibited in every case. It is only exhibited if the applicant had mentioned the form or had raised something concerning it.

(4) There was nothing that had to be mentioned in the report concerning the arrest other than the reason why the applicant had been arrested. What was meant in the arresting officer's affidavit was what had been told to the applicant. Therefore, there was no merit in the ground raised to suspect the evidence of the arresting officer and the interpreting officer who denied the applicant's allegations.

(5) Whether the arresting officer had used the direct or indirect method when informing the applicant of the grounds of detention under s 3(1) by using the words contained in s 6(1), the effect in law was the same. For the purposes of art 5 of the Constitution, it was sufficient if an arrested person knew under which provision of the law he was being arrested and the charge against him in order to enable him to start preparing for his defence or release. It was not necessary for him to know whether the charge against him was something that was believed, suspected or known for sure by the arresting officer.

(6) If a person was arrested and subsequently informed of the reasons for his arrest, what is told to him is an explanation. Assuming that the applicant was given a further explanation, that meant the concise and formal grounds of his arrest had been explained in detail. If the detailed explanation of the grounds was what had been translated, that was more than sufficient for the purposes of art 5(3) of the Constitution. Therefore, there was no failure to comply with art 5(3) of the Constitution.

(7) The purpose of reminding a detainee of his right to make a representation under para (3) of the Rules was to remind, not compel. It was neither a mandatory nor directory rule. In this case, even if the applicant had not been reminded of his right to make a representation, the failure did not in any way prejudice his interests. Therefore, the non-compliance with the rule did not entail any consequence in law.

(8) The director of a detention centre is the officer in charge of the centre for the purpose of giving a detainee the reminder concerning his right to make a representation under para (3) of the Rules.]

[*Editorial Note*: The applicant has appealed to the Supreme Court.]

Kes-kes rujukan

1 *Tan Boon Aun v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 2 MLJ 55 (dibeza)
2 *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v Karpal Singh* [1988] 3 MLJ 29 (dirujuk)
3 *Minister for Home Affairs, Malaysia v Jamaluddin bin Othman* [1989] 1 MLJ 418 (dirujuk)
4 *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 3 MLJ 28 (tidak diikut)
5 *Aw Ngoh Leang v Inspector General of Police & Ors* [1993] 1 MLJ 65 (tidak diikut)
6 *Punjab Co-operative Bank Ltd, Amritsar v CIT Lahore* AIR 1940 PC 230 (tidak diikut)
7 *Pratap Singh v Sri Krishnan* AIR 1956 SC 140 (tidak diikut)

Undang-undang rujukan

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 s 3(2)

A Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 k 3(3)

Muhammad Shafee Abdullah dan *CG Oh* (*Shafee & Co*) bagi pihak pemohon.

B *Noorbahri bin Baharuddin* (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak responden.

Cur Adv Vult

Abdul Aziz H: Keputusan ini adalah tentang dua alasan yang peguam C bijaksana bagi pemohon meminta saya memutuskan dahulu.

Keterputusan rantaian kebenaran di bawah s 3(2) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985

Subseksyen itu berbunyi seperti berikut:

D

> Mana-mana orang yang ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini boleh ditahan dalam jagaan polis selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam puluh hari tanpa suatu perintah tahanan dibuat mengenai orang itu di bawah subseksyen (1) seksyen 6:
>
> Dengan syarat bahawa —
>
> E (a) orang itu tidak boleh ditahan selama lebih daripada dua puluh empat jam kecuali dengan kebenaran seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau yang lebih tinggi;
>
> (b) orang itu tidak boleh ditahan selama lebih daripada empat puluh lapan jam kecuali dengan kebenaran seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Penguasa Polis atau yang lebih tinggi;
>
> F (c) orang itu tidak boleh ditahan selama lebih daripada empat belas hari melainkan jika seorang pegawai polis yang berpangkat Timbalan Penguasa atau yang lebih tinggi telah melaporkan hal keadaan penangkapan dan penahanan itu kepada Ketua Polis Negara atau kepada seorang pegawai polis yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara bagi maksud itu dan Ketua Polis Negara atau pegawai polis yang ditetapkan sedemikian olehnya, G mengikut mana yang berkenaan, hendaklah melaporkannya kepada Menteri.

Penahanan pemohon di bawah s 3 bermula pada 7.50 petang, 9 Januari 1993. Kebenaran ('authority') di bawah perenggan (a) dan (b) proviso kepada sub-s (2) telah diberi sewajarnya. Maka kuasa untuk menahannya H selama 14 hari tidaklah menjadi isu. Peguam bijaksana bagi pemohon menegaskan bahawa tempoh 14 hari itu berakhir pada 7.50 petang, 23 Januari. Jika demikian, keesahan penahanannya sehingga waktu dan tarikh itu tidaklah dipertikaikan.

Menurut perenggan (c) proviso itu, untuk menahan pemohon selepas I waktu dan tarikh itu, adalah perlu seorang pegawai polis berpangkat Timbalan Penguasa atau lebih tinggi membuat laporan yang disyaratkan oleh perenggan itu sebelum waktu dan tarikh itu. Tidak seperti penahanan lebih daripada 24 jam atau 48 jam, yang memerlukan kebenaran seorang pegawai polis yang betul pangkatnya di bawah perenggan (a) atau (b),

penahanan melebihi 14 hari tidak memerlukan kebenaran sesiapa. Apa yang perlu hanyalah bahawa, sebelum luputnya 14 hari itu, pelaporan di bawah perenggan (c) dilakukan. A

Dalam kes ini tidaklah dipertikaikan bahawa pelaporan itu telah dibuat sebelum luputnya tempoh itu, iaitu sebelum 7.50 petang 23 Januari. Laporan itu bertarikh 19 Januari dan diterima pada 20 Januari dan laporan seterusnya kepada Menteri bertarikh 21 Januari. Itu sudahpun memadai untuk menjadikan penahanan pemohon selepas 7.50 petang 23 Januari itu sah. B

Isu di bawah alasan ini berbangkit oleh kerana laporan bertarikh 19 Januari itu berkata tempoh 14 hari itu telah luput pada 22 Januari — kata-kata sebenarnya ialah: 'Tarikh lanjutan terakhir di bawah s 3(2)(b) adalah 22 Januari 1993' — dan pemohon perlu ditahan selanjutnya dari 22 Januari. Laporan bertarikh 21 Januari juga berkata tempoh 14 hari itu luput pada 22 Januari — kata-kata sebenarnya ialah: '... ditahan di bawah s 3(2)(a) dan 3(2)(b) Akta ini hingga 22 Januari 1993 ...'. C

Peguam pemohon berhujah bahawa kebenaran di bawah perenggan (c) tidak boleh bermula sebelum luputnya tempoh 14 hari itu, yang bermakna, menurutnya bagi kes ini, sebelum 7.50 petang 23 Januari. Ia hanya boleh bermula pada 7.50 petang 23 Januari. Oleh kerana laporan-laporan itu berkata tempoh 14 hari itu berakhir pada 22 Januari, dan, menurut peguam pemohon, kebenaran di bawah perenggan (c) hanya boleh bermula pada 7.50 petang 23 Januari, maka ada tempoh 19 jam 50 minit dari tengah malam 22 Januari hingga 7.50 petang 23 Januari apabila penahanan pemohon tidak disokong oleh kebenaran yang sah. D E

Saya berpendapat alasan ini langsung tidak ada merit. Sebagaimana saya telah katakan tadi, tidak ada kebenaran diperlukan untuk penahanan selepas 7.50 petang 23 Januari. Laporan-laporan yang disebut tadi bukan kebenaran. Ia adalah laporan sahaja. Apa yang perlu untuk perenggan (c) hanyalah membuat laporan sebelum 7.50 petang 23 Januari, dan itulah apa yang telah dilakukan. Tidaklah menjadi apa-apa beza jika pegawai-pegawai yang membuat laporan-laporan itu telah silap mengira 14 hari itu sebagai berakhir lebih awal daripada yang sepatutnya. Kebenaran di sisi undang-undang mestilah mengatasi ('the legal truth must prevail'). Jika, sebagaimana pendirian peguam pemohon, kebenaran di sisi undang-undang ialah bahawa tempoh 14 hari itu berakhir pada 7.50 petang 23 Januari, maka, walaupun pegawai-pegawai yang membuat laporan-laporan itu menyangka tarikhnya ialah 22 Januari, hakikatnya kekal sebagai 23 Januari. Pemohon tidak boleh dibiarkan berkata bahawa, dari segi undang-undang, tempoh itu berakhir pada 7.50 petang 23 Januari, tetapi, oleh kerana pegawai-pegawai polis menyangka ia berakhir pada 22 Januari, maka dia juga turut berpegang kepada tarikh yang silap itu bagai benar dan, oleh kerana kebenaran melalui perenggan (c) hanya boleh bermula selepas 7.50 petang 23 Januari, iaitu masa tempoh 14 hari itu luput, maka tidak ada kebenaran bagi tempoh di antara dua masa itu. Jika pemohon berkata 14 hari itu berakhir pada 7.50 petang 23 Januari, maka perbuatan membuat laporan sebelum itu di bawah perenggan (c) adalah segala-galanya yang perlu untuk mengesahkan penahanan pemohon selepas itu. Tidaklah menjadikan penunaian syarat perenggan (c) itu cacat sekiranya pegawai yang membuat laporan yang F G H I

diperlukan itu, secara kebetulannya, silap menyatakan tarikh tamatnya tempoh 14 hari itu.

Untuk alasan ini, peguam bagi pemohon bergantung kepada kes *Tan Boon Aun v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Anor.*[1] Terdapat aspek-aspek yang mengelirukan tentang kes itu. Saya akan menyatakan kedudukannya dalam bentuk yang mudah, cukup untuk membezakannya daripada kedudukan kes ini sahaja. Pemohon ditangkap pada 2 petang, 30 Mac 1988. Dalam memberi kebenaran di bawah perenggan (b) — yang lazimnya akan berguna untuk mengesahkan penahanan setakat 14 hari — pegawai yang berkenaan dengan khususnya berkata bahawa penahanan pemohon, yang sudahpun mendapat liputan kebenaran di bawah perenggan (a) untuk selama 48 jam atau dua hari, dilanjutkan selama 12 hari. Dia juga membuat catatan bahawa tempoh lanjutan itu berakhir pada 12 April. Edgar Joseph Jr H (sebagaimana beliau pada masa itu) mentafsirkan tempoh itu sebagai berakhir pada tengah malam 12 April. Beliau juga mentafsirkan had 14 hari yang disebut dalam perenggan (c) sebagai satu segmen yang tersendiri yang, menurut tafsiran beliau, berakhir pada 14 April. Ada laporan bagi maksud-maksud perenggan (c) yang telah dibuat sebelum 12 April. Hakim yang arif itu berpendapat bahawa laporan itu hanya berkesan untuk membenarkan penahanan pemohon selanjutnya bermula selepas berakhirnya segmen 14 hari itu, iaitu dari 15 April. Dengan yang demikian, tidak terdapat sesuatu kebenaran yang sah untuk penahanan pemohon pada 13 dan 14 April.

Maka dalam kes itu dapatlah dilihat suatu penentuan kehakiman bahawa telah berlaku keterputusan rantaian kebenaran dari tengah malam 12 April hingga tengah malam 14 April, dan penentuan itu berbangkit daripada pentafsiran hakim yang arif itu, tentang fakta dan undang-undang, bahawa kebenaran di bawah perenggan (b) telah berakhir pada tengah malam 12 April dan bahawa laporan di bawah perenggan (c) tidak berkesan untuk membenarkan penahanan selanjutnya kecuali bermula dari 15 April. Tanpa perlu menyatakan pendapat-pendapat saya sendiri tentang pentafsiran itu, saya hanya akan berkata bahawa kedudukan dalam kes itu adalah berlainan daripada kes ini. Dalam kes ini, sudahpun diakui dan ditegaskan oleh peguam bagi pemohon bahawa tempoh 14 hari telah berakhir pada 7.50 petang 23 Januari 1993. Saya bersetuju dengan perhitungan itu. Pada pendapat saya, tempoh 14 hari itu mestilah dihitung, sebagaimana juga tempoh 24 jam dan 48 jam yang disebut dalam perenggan (a) dan (b), dari waktu penahanan bermula, iaitu dari 7.50 petang 9 Januari. Sebagaimana telah saya katakan tadi, tidaklah dipertikaikan bahawa, sehingga 7.50 petang 23 Januari, penahanan pemohon telah diliputi oleh kebenaran-kebenaran di bawah perenggan (a) dan (b). Laporan di bawah perenggan (c) telah dibuat sebelum berakhirnya tempoh 14 hari itu. Ia mempunyai efek untuk mengesahkan penahanan untuk tempoh selepas 7.50 petang 23 Januari. Jika dipakai pendapat dalam kes *Tan Boon Aun*[1] itu bahawa laporan di bawah perenggan (c) boleh berkesan untuk membenarkan penahanan hanya dari masa berakhirnya tempoh 14 hari, maka laporan dalam kes ini berkesan untuk membenarkan penahanan selepas 7.50 petang 23 Januari. Maka dalam kes ini tidak ada ruang untuk apa-apa pentafsiran bahawa telah

berlaku sesuatu keterputusan dalam rantaian kebenaran. Pergantungan kepada tarikh yang salah dalam laporan-laporan di bawah perenggan (c) untuk mencari ruang itu adalah sia-sia oleh kerana, tidak seperti dalam kes *Tan Boon Aun*[1] itu, tarikh itu bukanlah tarikh di dalam sesuatu kebenaran di bawah perenggan (b) yang diberi sebagai tarikh berakhirnya kebenaran itu. Malah kebenaran di bawah perenggan (b) dalam kes ini tidak menyatakan tarikh luputnya kebenaran itu. Tarikh yang diberi dalam laporan-laporan itu adalah semata-mata tarikh yang pegawai-pegawai yang membuat laporan-laporan itu menganggap tempoh 14 hari itu berakhir. Kesilapan dalam maklumat itu tidak menjejaskan kebenaran tentang apakah tarikh yang sebenarnya, iaitu, sebagaimana peguam bagi pemohon sendiri menegaskan dan saya bersetuju, 7.50 petang 23 Januari.

Alasan penahanan

Perintah tahanan di bawah s 6(1) telah dibuat pada 9 Mac 1993. Ia telah disampaikan kepada pemohon, sebagaimana dikehendaki oleh s 9(1), pada hari yang sama. Sebagaimana dikehendaki oleh s 9(2)(b), apabila perintah tahanan itu disampaikan, pemohon telah juga diberi pernyataan bertulis mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah itu diasaskan.

Dalam pernyataan itu, alasan yang diberi ialah bahawa pemohon 'pernah ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya'. Kata-kata dalam petikan itu adalah betul-betul kata-kata yang digunakan dalam s 6(1) untuk salah satu perkara yang Menteri perlu berpuas hati sebelum membuat perintah tahanan.

Peguam bagi pemohon berkata bahawa pengulangan kata 'apa-apa' tentang aktiviti pengedaran dadah berbahaya dalam alasan itu menjadikan alasan itu terkeluar daripada alasan yang dibenarkan oleh s 6(1). Bagi beliau, tidaklah salah sekiranya alasan itu hanya berkata 'aktiviti' sahaja, tanpa mengulangi kata 'apa-apa', atau berkata 'berbagai aktiviti'. Kepada itu, mungkin saya boleh menambah 'aktiviti-aktiviti tertentu' sebagai juga tidak salah.

Saya bersetuju bahawa walaupun s 6(1), untuk menggariskan skop hal yang tentangnya Menteri perlu berpuas hati, selepas menimbang laporan-laporan yang disebut dalam peruntukan itu, tentang seseorang yang beliau bercadang untuk menahan, perlu digubal supaya menjadikan umum atau, menggunakan kata-kata peguam pemohon, 'at large', kegiatan-kegiatan pengedaran dadah yang dengannya orang itu ada kaitan, dengan menggunakan kata 'apa-apa', tetapi Menteri pula, di pihaknya, apabila sebenarnya menahan seseorang dan memberitahunya alasan yang dibenarkan oleh undang-undang bagi menahannya, sepatutnya menggunakan bahasa yang menunjukkan bahawa beliau memikirkan tentang penglibatan orang itu dengan kegiatan-kegiatan yang sebenar dan diketahui. Bahasa teori undang-undang mestilah diubah kepada bahasa pelaksanaan praktik. Untuk itu, kata 'apa-apa' mestilah tidak diulangi olehnya. Pengulangan kata 'apa-apa' itu dalam alasan yang diberikan kepada seseorang orang tahanan memberi tanggapan bahawa, sambil Menteri menuduh penglibatan sebenar, beliau masih belum mengenal pasti aktiviti-aktiviti bagi penglibatan itu.

A Untuk mengelak tanggapan itu, beliau mestilah menggugurkan kata 'apa-apa' itu, dan pada pendapat saya apa yang paling selamat dikatakan ialah bahawa orang itu 'pernah ada kaitan dengan aktiviti-aktiviti yang berhubungan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya'.

Itu adalah suatu perkara halus tentang kesan penggunaan bahasa yang
B orang mudah gagal menyedari, biarpun yang berpendidikan undang-undang. Menteri akan memerlukan seorang pegawai pentadbir atau penasihat undang-undang yang tajam dan peka bahasa untuk mengelak daripada membuat kesilapan itu, yang saya anggap sebagai kesilapan yang biasa atau mudah dilakukan.

Tetapi saya tidak bersetuju bahawa kesilapan itu menjadikan alasan itu
C terjatuh di luar skop apa yang dibenarkan oleh s 6(1). Menteri tidak menahan pemohon atas apa-apa alasan yang terjatuh di luar apa yang undang-undang membenarkan. Kesan kesilapan itu adalah semata-mata untuk mewujudkan, bagi seseorang yang tajam, suatu tanggapan bahawa Menteri tidak mengetahui apakah kegiatan-kegiatan pengedaran dadah
D yang dia mengaitkan dengan pemohon. Tetapi tanggapan itu adalah tanggapan sahaja, bukan sesuatu yang benar. Ia tidak mungkin sesuatu yang benar jika difahami, sebagaimana saya telah jelaskan tadi, bahawa sebab sebenar kata 'apa-apa' itu diulangi berbangkit daripada kegagalan menyedari kesan penggunaan kata itu. Saya menolak terus saranan peguam bagi pemohon bahawa kesilapan itu adalah suatu tanda bahawa Menteri
E telah membuat perintah itu secara mekanikal tanpa menumpukan fikirannya kepada apa yang beliau perintahkan. Di sini patut saya menyebut bahawa dalam perintah tahanan itu sendiri, yang juga mengandungi kata-kata yang memberi alasan penahanan, kesilapan itu tidak berlaku dan kata 'apa-apa' itu tidak diulangi.

F Peguam bagi pemohon berkata bahawa adalah perlu alasan yang diberikan kepada pemohon diberikan dalam bentuk yang boleh difahami ('intelligible') supaya dia dapat membuat representasi yang bermakna, dan jika ia tidak 'intelligible', akibatnya seolah-olah pemohon tidak diberitahu apakah alasannya.

Walaupun bagi seseorang yang tajam, penggunaan kata 'apa-apa' dalam
G alasan itu akan memberi tanggapan bahawa Menteri tidak mengetahui apakah kegiatan dadah yang beliau hendak kaitkan dengan pemohon, saya tidak fikir, dari segi praktik, bahawa pemohon mendapati alasan itu tidak boleh difahami. Jika pemohon bukan seorang seperti itu, dia tidak akan nampak langsung kesan penggunaan bahasa yang sedemikian itu dan dia
H akan memahami bahawa dia ditahan kerana terlibat dalam kegiatan-kegiatan pengedaran dadah. Sebaliknya, jika dia seorang yang sedemikian, dia juga akan mengetahui dan memahami bahawa tanggapan itu adalah disebabkan oleh kesilapan menggunakan bahasa dan dia akan menyedari bahawa apa yang dimaksudkan oleh Menteri adalah aktiviti-aktiviti pengedaran yang tertentu. Pemahaman dan kesedaran itu akan disokong pula oleh pengataan-
I pengataan fakta yang menyatakan apakah aktiviti-aktiviti itu sebenarnya.

Tentang masalah membuat representasi, walaupun alasan itu digubal dengan betul tanpa menggunakan kata 'apa-apa', atau alasan itu berkata 'berbagai aktiviti' atau 'aktiviti-aktiviti tertentu', pemohon masih tidak akan

menjadi lebih arif bagi maksud membuat representasi. Untuk membuat representasi, apa yang dia sebenarnya memerlukan adalah pengataan-pengataan fakta, yang memang telah juga diberi kepadanya.

Peguam bijaksana bagi pemohon berkata bahawa mahkamah tidak boleh melihat kepada pengataan-pengataan fakta disebabkan keputusan dalam kes *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v Karpal Singh*[2] dan *Minister for Home Affairs, Malaysia & Anor v Jamaluddin bin Othman*.[3] Tetapi kes-kes itu hanya menetapkan bahawa pengataan-pengataan fakta tidak tertakluk kepada pengkajian semula, yang bermakna bahawa mahkamah tidak boleh menghakimi atas pengataan-pengataan fakta itu dan berkata bahawa ia tidak cukup untuk memuaskan hati Menteri tentang alasan yang dibenarkan bagi membuat sesuatu perintah tahanan. Keputusan dalam kes-kes itu tidak menghalang mahkamah melihat kepada pengataan-pengataan fakta atau mengiktirafkan hakikat bahawa pengataan-pengataan fakta itu wujud dan telah diberi kepada pemohon, dan membuat kesimpulan, sebagaimana saya telah lakukan, bahawa, dengan mengetahui pengataan-pengataan itu, pemohon akan mengetahui alasan penahanannya adalah berasaskan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di situ, dan bahawa pengataan-pengataan fakta itulah, lebih daripada alasan untuk perintah tahanan, yang pemohon perlukan untuk membolehkannya membuat representasi.

Atas sebab-sebab itu, pemohon gagal atas dua alasan itu.

Sekarang saya akan mendengar alasan-alasan pemohon yang lain.

[Alasan penghakiman yang disampaikan pada 7 Januari 1994]

Pada 26 November, saya sudahpun menyampaikan penghakiman saya tentang dua alasan yang peguam bijaksana bagi pemohon meminta saya memutuskan dahulu. Sekarang saya sampaikan penghakiman saya tentang alasan-alasan lain yang dihujahkan selepas itu.

Kegagalan mematuhi perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan

Isteri pemohon, dalam afidavitnya yang menyokong permohonan pemohon, menegaskan bahawa pemohon memberitahunya dia tidak diberitahu sebab-sebab mengapa dia ditangkap.

Pegawai yang menangkap pemohon, dalam afidavitnya, berkata begini:

> Sebaik sahaja menangkap pemohon, saya telah memberitahu pemohon secara lisan dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami, sebab-sebab pemohon ditangkap seperti berikut:
>
> > 'Bahawa kamu ditangkap di bawah s 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 kerana kamu telah terlibat dalam aktiviti berhubungan dengan penglibatan pengedaran dadah berbahaya dan adalah perlu bagi kepentingan awam kamu ditahan.'
>
> Selepas itu [pegawai penterjemah] telah menerangkan dalam loghat Kantonis sebab-sebab pemohon ditangkap sebagaimana yang telah saya terangkan dalam Bahasa Malaysia dan pemohon telah memahami penerangan saya ...

Pegawai penangkap itu juga berkata bahawa, setelah menangkap pemohon, dia telah membuat laporan polis. Salinan laporan polis itu ada dieksibitkan kepada afidavitnya. Laporan itu memberi butir-butir diri pemohon dan tarikh, waktu dan tempat dia ditangkap. Ia bermula dengan menyatakan sebab pemohon ditangkap sebagai:

> Berdasarkan atas sebab-sebab yang boleh dipercayai bahawa ada alasan-alasan yang mewajarkan penahanan orang itu di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 kerana pernah atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

Di hujung laporan itu, dia berkata: 'Orang itu kemudiannya telah saya beritahu dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami.'

Pegawai yang menjadi penterjemah itu, dalam afidavitnya, berkata: '... saya telah membantu menterjemahkan sebab-sebab tangkapan terhadap [pemohon] yang diterangkan oleh [pegawai penangkap] dari Bahasa Malaysia ke dalam bahasa/loghat Kantonis.' Dia berkata bahawa sebelum membuat penterjemahan itu dia telah mengesahkan dari pemohon bahawa 'dia fasih berbahasa Cina loghat Kantonis'. Kemudian dia berkata:

> Saya kemudiannya telah menterjemahkan kepada pemohon penerangan yang dibuat oleh [pegawai penangkap] kepada pemohon dalam bahasa/loghat Kantonis. Pemohon telah memahami segala terjemahan yang saya buat berkaitan dengan sebab-sebab tangkapan tersebut.

Melalui afidavit-afidavit itu, pihak responden menafikan dakwaan yang dibuat oleh pemohon melalui afidavit isterinya itu. Dalam meminta mahkamah menerima dakwaan pemohon itu sebagai benar, Encik Oh, yang mewakili pemohon, membangkitkan dua perkara untuk menimbulkan keraguan terhadap keterangan dua pegawai polis itu. Satu perkara ialah bahawa ayat yang dipetik tadi dari hujung laporan pegawai penangkap itu tidak jelas dan tidaklah bererti pemohon telah diberitahu kenapa dia ditangkap. Perkara yang satu lagi ialah bahawa dalam kes ini tidak ada dieksibitkan suatu borang yang dikatakan dieksibitkan dalam kes-kes lain, iaitu borang yang tidak diperlukan oleh undang-undang, di mana pegawai penangkap mengesahkan orang yang ditangkap telah diberitahu sebab-sebab dia ditangkap dan orang itu menandatangani pengakuannya dia telah diberitahu.

Tentang laporan itu, adalah benar ayat yang berkenaan itu tidak menyatakan apakah yang telah diberitahu kepada pemohon, tetapi saya tidak nampak apakah yang pegawai penangkap itu memberitahu kepada pemohon yang perlu disebut dalam laporan tentang tangkapan jenis ini melainkan sebab mengapa dia ditangkap. Itu, bagi saya, adalah apa yang ayat itu bermaksud hendak berkata sebagai perkara yang telah diberitahu kepada pemohon.

Tentang borang pengesahan itu, Encik Noorbahri, yang mewakili responden, menjelaskan bahawa borang itu digunakan supaya ada rekod dalam fail bahawa alasan tangkapan telah diberitahu, tetapi tidaklah dalam setiap kes borang itu dieksibitkan. Ia hanya dieksibitkan sekiranya afidavit pihak pemohon ada menyebut borang itu atau membangkitkan sesuatu

mengenainya, yang mana jarang berlaku. Saya percaya penjelasan Encik Noorbahri itu adalah benar. A

Saya mendapati tidak ada merit dalam dua alasan yang dibangkitkan untuk meragui keterangan pegawai penangkap dan pegawai penterjemah itu yang menafikan dakwaan pemohon itu. Oleh kerana itulah sebab-sebab yang diutarakan bagi pihak pemohon mengapa, dalam keadaan pertelingkahan di antara penegasan afidavit pihak pemohon dan pihak responden tentang soal itu, saya tidak patut menolak penegasan pihak pemohon dan menerima penegasan pihak responden, maka saya menolak penegasan pihak pemohon. B

Encik Oh selanjutnya berhujah bahawa, seandainya sebab-sebab tangkapan telah diberi, sebab-sebab itu adalah tidak memadai, kerana, manakala penangkapan pemohon dibuat di bawah sub-s (1) s 3 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta itu'), tetapi kata-kata yang digunakan oleh pegawai penangkap untuk memaklumkan kepada pemohon sebab-sebab dia ditangkap adalah kata-kata yang terdapat dalam sub-s (1) s 6. C

Pada fahaman saya, apa yang dimaksudkan oleh Encik Oh sebagai alasan-alasan yang wajar diberi kepada pemohon adalah, sebagaimana dinyatakan oleh sub-s (1) s 3, bahawa pegawai penangkap 'mempunyai sebab mempercayai bahawa ada alasan-alasan yang mewajarkan penahanan [pemohon] di bawah sub-s (1) s 6'. Kemudian, oleh kerana pemohon tidak akan mengetahui apalah alasan-alasan yang dimaksudkan itu, pegawai penangkap seharusnya menjelaskan selanjutnya kepada pemohon bahawa, menurut sub-s (1) s 6, alasan-alasannya ialah bahawa dia telah terlibat dalam aktiviti berhubungan dengan pengedaran dadah berbahaya dan bahawa adalah perlu bagi kepentingan awam dia ditahan. D E

Rasa saya, jika pegawai penangkap itu mengambil jalan demikian, pemohon akan menjadi keliru. Untuk mengelakkan kekeliruan bagi pemohon, apa yang pegawai penangkap itu telah lakukan ialah menyampaikan kepada pemohon secara langsung atau terus apakah alasan-alasan yang dimaksudkan oleh sub-s (1) s 3 apabila beliau merujuk kepada sub-s (1) s 6. Kesannya dari segi undang-undang adalah sama, sama ada pegawai penangkap itu mengambil jalan tidak langsung yang disarankan oleh Encik Oh itu atau jalan terus atau langsung sebagaimana yang telah diambil oleh pegawai penangkap itu. Malah jalan yang diambil oleh pegawai penangkap itu adalah lebih baik untuk fahaman pemohon. F G

Adalah benar bahawa, dalam menyampaikan alasan-alasan itu, pegawai penangkap menyatakan alasan-alasan itu sebagai suatu perkara tentu, yakni dia tidak menggunakan kata-kata 'saya ada sebab untuk mempercayai ...'. Tetapi bagi maksud mencapai tujuan di sebalik pemberian hak di bawah perkara 5(3) itu, adalah memadai jika seseorang yang ditangkap itu mengetahui di bawah peruntukan undang-undang manakah dia ditangkap dan apakah perkara yang didakwa terhadapnya yang kerananya dia ditangkap. Itu adalah memadai sebagai asas untuk membolehkan orang itu, melalui peguamnya, memulakan persediaan ke arah pembelaan atau pembebasannya. Bagi maksud itu adalah tidak perlu bagi orang itu mengetahui sama ada apa yang didakwa terhadapnya adalah sesuatu yang dipercayai, atau yang disyaki H I

atau yang diketahui sebagai pasti oleh pegawai penangkap. Saya berpendapat bahawa alasan-alasan yang dikemukakan kepada pemohon adalah memadai untuk perkara 5(3).

Encik Oh seterusnya berhujah bahawa, jika mahkamah mendapati alasan-alasan itu adalah memadai, namun alasan-alasan itu tidak diterjemahkan kepada pemohon. Beliau berhujah demikian kerana kedua-duanya pegawai penangkap dan pegawai penterjemah, dalam afidavit-afidavit mereka, bercakap tentang penterjemahan 'penerangan' yang dibuat oleh pegawai penangkapan, dan penerangan itu, menurut beliau, adalah sesuatu yang lain daripada kata-kata, sebagaimana dipetik tadi, yang digunakan oleh pegawai penangkap untuk menyampaikan alasan-alasan itu. Pada fahaman saya, maksud Encik Oh ialah bahawa, selain daripada apa yang 'diberitahu' melalui kata-kata yang dipetik itu, terdapat juga penerangan lanjut, dan bahawa penerangan itulah yang telah diterjemahkan, bukan alasan-alasan yang terdiri daripada kata-kata yang dipetik tadi, sedangkan tidaklah diketahui apakah penerangan yang telah diterjemahkan.

Afidavit bukanlah suatu dokumen yang digubal dengan ketepatan legal seperti suatu suratcara undang-undang. Ia adalah keterangan seseorang dalam bentuk bertulis yang diikrarkan. Ia tidak patut dibaca dan ditafsirkan dengan sikap dan harapan bahawa bahasa yang digunakan adalah konsisten. Rujukan kepada *Kamus Dewan* mendedahkan bahawa salah satu erti perkataan 'menerangkan' ialah 'memberitahu, memaklumkan, menyatakan'. Jika seseorang itu tidak mengetahui mengapa dia ditangkap, dan kemudiannya dia diberitahu sebabnya, apa yang diberitahu itu adalah penerangan. Dengan memberitahu mengapa dia ditangkap, dia diterangkan mengapa dia ditangkap. Dalam afidavit-afidavit pegawai-pegawai yang berkenaan, tidak ada tanda bahawa kata-kata yang dipetik itu tidak difahami oleh pemohon dan kerana itu mereka perlu membuat huraian lanjut. Oleh yang demikian, kata-kata 'terang' merujuk kepada perbuatan memberitahu pemohon melalui kata-kata yang dipetik itu.

Seandainya pemohon telah diberi penerangan lanjut sebagai tambahan kepada kata-kata yang dipetik itu, penerangan itu, menurut afidavit-afidavit itu, adalah penerangan lanjut tentang sebab-sebab mengapa pemohon ditangkap. Alasan yang padat dan formal itu dihuraikan supaya, misalnya, satu ayat menjadi sepuluh ayat. Jika huraian itulah yang telah diterjemahkan, dan bukannya kata-kata formal yang dipetik tadi, saya berpendapat itupun cukup bagi maksud perkara 5(3), malah sebenarnya lebih cukup daripada halnya jika apa yang diterjemahkan itu ialah kata-kata yang formal itu.

Oleh yang demikian, saya mendapati tidak ada kegagalan mematuhi perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang didakwa itu.

Kegagalan mematuhi perenggan (3) k 3 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987

Perenggan (3) itu berkata:

> Apabila seseorang orang tahanan dibawa ke suatu tempat tahanan, Pegawai Penjaga hendaklah dengan seberapa segera yang praktik mengingatkan orang itu akan haknya untuk membuat representasi-representasi.

Jika responden perlu membuktikan perenggan itu telah dipatuhi, mereka perlu membuktikan dua perkara, satunya bahawa pemohon telah diingatkan akan haknya itu, dan satu lagi bahawa hal itu telah dilakukan seberapa segera yang praktik setelah pemohon dibawa ke tempat tahanan. Untuk membuktikan perkara kedua itu, responden perlulah memberi sebab mengapa peringatan itu tidak praktik diberi lebih awal.

Isteri pemohon, dalam afidavitnya yang menyokong permohonan pemohon, menegaskan pemohon memberitahunya 'bahawa sesampai di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, pemohon tidak diperingatkan haknya untuk membuat representasi-representasi kepada Lembaga Penasihat'.

Pegawai yang mengakui dirinya pengarah pusat itu, dalam afidavitnya yang diikrarkan pada 21 September 1993, menegaskan dia telah mengingatkan pemohon tentang haknya itu.

Encik Oh berkata bahawa, menurut perenggan (3) itu, orang yang sepatutnya memberi peringatan itu ialah pegawai penjaga pusat itu, tetapi pengarah pusat itu tidak menyatakan dia adalah pegawai penjaga pusat itu. Beliau menegaskan pusat itu ada penguasa. Pada fahaman saya, maksud beliau ialah bahawa penguasa itulah yang sepatutnya memberi peringatan itu. Encik Noorbahri menjelaskan bahawa pegawai penjaga pusat itu, sebagaimana juga bagi institusi-institusi penjara yang lain, ialah pengarah pusat itu, yang merupakan pegawai tertinggi di pusat itu. Menurut beliau, 'penguasa' ialah nama pangkat dalam perkhidmatan dan bukan nama jawatan di sesuatu institusi. Saya rasa saya dapat menerima bahawa kedudukannya adalah sebagaimana dinyatakan oleh Encik Noorbahri, iaitu pegawai tertinggi di pusat itu ialah pengarahnya dan dialah pegawai penjaga pusat itu. Menurut amalan biasa, jawatan yang lebih tinggi daripada pengarah ialah ketua pengarah. Dalam konteks tempat-tempat tahanan, dia adalah ketua pengarah penjara. Dia tidak mungkin pegawai penjaga pusat di Simpang Renggam itu. Saya tidak dapat menerima bahawa di pusat itu ada jawatan penguasa, selain jawatan pengarah, yang lebih tinggi daripada jawatan pengarah. Bahawasanya responden kedua dinamakan oleh pemohon sebagai 'penguasa' hanya membuktikan bahawa adalah sangkaan pemohon sahaja bahawa 'penguasa' adalah pegawai penjaga pusat itu.

Satu persoalan yang mungkin berbangkit ialah sama ada kewajipan pegawai penjaga di bawah perenggan (3) itu, sebagaimana juga di bawah kaedah-kaedah lain, mesti dilaksanakan oleh pegawai penjaga sendiri. Soal itu tidak dibangkitkan dalam penghujahan dalam permohonan ini, dan saya tidak perlu meninjaunya memandangkan saya menerima bahawa pengarah pusat itu, yang menegaskan dia sendiri telah memberi peringatan itu kepada pemohon, adalah pegawai penjaga pusat itu.

Dalam afidavitnya itu, pengarah itu berkata begini:

> Merujuk kepada afidavit pemohon, Wong Kiew Meow telah dibawa masuk ke Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor pada 10 Mac 1993 di bawah suatu perintah tahanan oleh Menteri di bawah s 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985. Saya telah memberitahu, menerangkan dan mengingatkan pemohon tentang haknya untuk membuat representasi menurut k 3(3) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-

A Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 kepada Lembaga Penasihat dan pemohon juga telah diterangkan tentang haknya untuk mendapat khidmat peguam. Saya telah menggunakan Bahasa Malaysia yang mudah difahami oleh pemohon dan pemohon telah mengakui memahami Bahasa Malaysia setelah saya bertanyakan kepadanya samada beliau faham atau tidak penerangan saya. Pemohon tidak membantah terhadap bahasa yang saya gunakan dan tidak
B meminta perkhidmatan jurubahasa.

Ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan tentang apa yang dikatakan dalam petikan itu dari afidavit pengarah itu. Pertama, dia tidak menyatakan bilakah peringatan itu telah diberi kepada pemohon. Encik Noorbahri berhujah bahawa, oleh kerana pernyataan tentang peringatan itu dibuat,
C dalam perenggan yang sama, selepas pernyataan tentang tarikh pemohon tiba di pusat itu, peringatan itu mestilah difahami sebagai telah diberi setibanya pemohon di pusat itu. Dengan hormatnya saya tidak bersetuju. Jika pengarah itu berniat hendak memberitahu bilakah peringatan itu diberi, saya tidak fikir dia berharap akan mencapai niatnya dengan cara memuatkan ayat tentang peringatan itu dalam perenggan yang sama selepas ayat
D sebelumnya tentang ketibaan pemohon di pusat itu. Dia tentu akan menyatakan dengan khususnya bilakah peringatan itu diberi. Dengan tiadanya pernyataan khusus tentang itu, afidavit itu gagal sebagai bukti bahawa peringatan itu telah diberi 'seberapa segera yang praktik'.

Kedua, pengarah itu terus menggunakan Bahasa Malaysia kepada
E pemohon tanpa mengesahkan terlebih dahulu sama ada dia memahami Bahasa Malaysia. Pengesahan itu dibuat hanya setelah pengarah itu mengingatkan tentang hak membuat representasi itu kepada pemohon.

Ketiga, sesiapa jua yang membaca petikan itu akan memahami bahawa tidak ada jurubahasa yang digunakan untuk pemohon. Jika jurubahasa digunakan, kandungan afidavit itu tidak akan digubah sedemikian rupa.
F Khususnya, tidak ada keperluan untuk pengarah itu menekankan bahawa pemohon 'tidak meminta perkhidmatan jurubahasa'. Hal itu perlu disebut hanya jika jurubahasa tidak digunakan.

Lebih sebulan selepas tarikh afidavit pengarah itu, iaitu pada 25 Oktober 1993, seorang pegawai penjara di pusat itu yang dapat bertutur bahasa
G Mandarin mengikrarkan satu afidavit di mana di berkata bahawa, pada 10 Mac 1993, iaitu tarikh pemohon tiba di pusat itu, dia telah menterjemahkan peringatan yang diberi oleh pengarah itu kepada pemohon dari Bahasa Malaysia ke loghat Mandarin. Dia berkata: 'Saya telah membuat penterjemahan tersebut walaupun pemohon tidak meminta perkhidmatan jurubahasa. Pemohon telah mengakui memahami apa yang telah saya
H terjemahkan.'

Apa yang ditegaskan oleh pegawai penjara itu adalah bercanggah dengan fahaman yang diperolehi dari membaca afidavit pengarah itu sahaja, sebagaimana saya nyatakan tadi. Kalau dulu gambarannya ialah bahawa peringatan itu telah diberi dalam Bahasa Malaysia tanpa terjemahan kerana
I pemohon memahami peringatan yang diberi itu, sekarang gambarannya ditambah dengan gambaran bahawa, walaupun pemohon telah memahami peringatan dalam Bahasa Malaysia itu, peringatan itu masih diterjemahkan dalam loghat Mandarin. Tetapi jika pemohon sudah memahami peringatan

yang diberi dalam Bahasa Malaysia itu, mengapa pula ia perlu disampaikan lagi dalam loghat Mandarin? Encik Noorbahri menjelaskan bahawa afidavit pegawai penjara itu melengkapkan ('complements') afidavit pengarah itu. Beliau mungkin betul berkata demikian jika diambil secara zahir sahaja bahawa afidavit pengarah itu adalah terhad kepada peranannya setakat menyampaikan peringatan itu dalam Bahasa Malaysia dan afidavit pegawai penjara itu menambahkan tentang penterjemahan. Tetapi jika afidavit pengarah itu ditafsirkan sebagai bererti bahawa peringatan itu diberi dalam Bahasa Malaysia sahaja, maka afidavit pegawai penjara itu bercanggah dengan afidavit itu. Katakanlah pengarah itu begitu cermat hinggakan, walaupun pemohon sudah memahami peringatan yang diberi dalam Bahasa Malaysia, dia masih mengaturkan penterjemahan dalam loghat Mandarin. Tetapi jika demikian, dia tentu akan mencerminkan hal itu dalam afidavitnya dan tidaklah mengakhiri afidavitnya dengan berkata pemohon 'tidak meminta perkhidmatan jurubahasa'.

Ada dua perkara lagi yang saya perlu menyebut tentang afidavit pegawai penjara itu. Pertama, walaupun dia menyatakan bahawa peringatan itu telah diberi kepada pemohon pada 10 Mac 1993, iaitu tarikh pemohon tiba di pusat itu, dia tidak menjelaskan bilakah pada hari itu peringatan itu diberi. Dia tidak berkata, misalnya, bahawa peringatan itu diberi setibanya pemohon di pusat itu. Maka afidavitnya juga tidak dapat menjadi bukti bahawa peringatan itu telah diberi 'seberapa segera yang praktik'.

Kedua, sebagaimana juga halnya dengan pengarah itu mengenai penggunaan Bahasa Malaysia, pegawai penjara itu nampaknya telah terus menggunakan loghat Mandarin tanpa mengesahkan terlebih dahulu bahawa pemohon memahami Mandarin.

Teguran saya tentang kedua-dua pegawai itu tidak mengesahkan terlebih dahulu apakah bahasa atau loghat yang pemohon memahami, ada signifikansnya dalam hubungannya dengan dua perkara yang berkaitan.

Pertama, di beberapa peringkat sebelum pemohon dibawa ke pusat itu, pihak polis telah menggunakan jurubahasa dalam memaklumkan kepada pemohon perkara-perkara yang wajib disampaikan kepadanya dan mereka telah mendapat pengesahan terlebih dahulu dari pemohon bahawa loghat bahasa Cina yang dia fasih ialah loghat Kantonis. Saya akui bahawa itu sahaja tidak semestinya bererti bahawa pemohon tidak memahami Bahasa Malaysia dan loghat Mandarin. Tetapi — dan ini perkara kedua — isteri pemohon, pada 27 Oktober 1993, telah mengikrarkan satu afidavit jawapan. Pada masa itu, afidavit pegawai penjara itu belum lagi disampaikan kepada peguam pemohon. Dalam menjawab afidavit pengarah itu, isteri pemohon menegaskan bahawa pemohon tidak boleh memahami Bahasa Malaysia, walaupun Bahasa Malaysia yang mudah, bahawa, menurut pemohon, pemohon tidak pernah mengakui dia memahami Bahasa Malaysia, dan bahawa, menurut pemohon, dia ada meminta perkhidmatan jurubahasa tetapi permintaannya tidak dipenuhi. Dalam menjawab afidavit seorang pegawai polis berkenaan suatu terjemahan yang dibuat olehnya dalam loghat Kantonis, isteri pemohon menegaskan pemohon adalah seorang Khek dan boleh memahami hanya loghat Khek dan Kantonis, bererti tidak loghat-loghat lain dan tidak Mandarin. Pada masa itu, isteri pemohon

belum lagi mengetahui tentang afidavit pegawai penjara itu yang menegaskan pemohon memahami Mandarin dan tidak ada sebab untuk tidak mengakui bahawa pemohon memahami Mandarin, jika benar dia memahami Mandarin.

Jika afidavit-afidavit pengarah dan pegawai penjara itu teratur, yakni tidak membangkitkan perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi, dan saya berhadapan dengan dakwaan isteri pemohon sahaja bahawa, menurut pemohon, dia tidak diingatkan tentang haknya untuk membuat representasi setibanya di pusat itu, saya mungkin sukar hendak menerima sebagai benar apa yang ditegaskan oleh isteri pemohon sebagai dikatakan oleh pemohon itu. Tetapi, setelah mengambil kira segala perkara itu pada keseluruhannya, saya merasa ragu sama ada peringatan itu telah diberi kepada pemohon atau, jika diberi, sama ada dia memahami apa yang dikatakan kepadanya. Walau bagaimanapun, dalam menghadapi dakwaan pihak pemohon, pihak responden gagal menunjukkan bahawa peringatan yang dikatakan telah diberi itu telah diberi 'seberapa segera yang praktik' setelah pemohon tiba di pusat itu. Atas sebab-sebab itu saya tidak puas hati bahawa perenggan (3) itu telah dipatuhi.

Sebelum saya menyentuh soal akibat di sisi undang-undang dari ketidakpatuhan kepada perenggan (3) itu, baiklah saya bentangkan fakta-fakta tentang akibatnya dari segi fakta atau hakikat. Pemohon telah disampaikan perintah tahanan, sebagaimana dikehendaki oleh sub-s (1) s 9 Akta itu, pada 9 Mac 1993. Sebagaimana dikehendaki oleh sub-s (2), dia telah, pada masa yang sama, diberitahu tentang haknya untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat, iaitu hak yang diberi oleh sub-s (1). Sebagaimana dikehendaki oleh perenggan (1)(b) k 3 Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 ('Kaedah-Kaedah 1987 itu'), dia telah, pada masa yang sama, diberi tiga salinan Borang I untuk membuat representasi itu. Dia tiba di pusat itu pada keesokan harinya, iaitu 10 haribulan. Apa yang dia diberitahu pada hari sebelumnya tentulah masih segar dalam ingatannya dan dia tentulah ada bersamanya salinan-salinan Borang I itu. Dia adapun membuat representasi itu, dan representasi itu telah diterima oleh Lembaga Penasihat pada 17 haribulan, hanya tujuh hari selepas dia tiba di pusat itu. Lembaga Penasihat telah mendengar representasinya pada 4 Mei. Adalah jelas kepada saya bahawa, jikapun dia tidak diingatkan akan haknya untuk membuat representasi, kegagalan itu tidak sedikitpun menjejaskan kepentingannya.

Jika kehendak perenggan (3) itu adalah kehendak mandatori, maka, atas autoriti kes *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor*,[4] yang telah disahkan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Aw Ngoh Leang v Inspector General of Police & Ors*,[5] kegagalan mematuhinya menjadikan penahanan pemohon seterusnya tidak sah, dan dia mestilah dibebaskan, meskipun pemohon tidak terjejas kerana kegagalan itu. Maka soalnya ialah sama ada perenggan (3) itu dimaksudkan sebagai kehendak mandatori. Untuk memutuskan soal itu, yang memerlukan pertimbangan tentang apakah yang mungkin diniat atau dimaksudkan oleh pihak berkuasa pengkanun perenggan itu, saya tidak dapat mengelak daripada meninjau apakah agaknya

tujuan di sebalik perenggan itu. Penggubal-penggubal perenggan itu tentu menyedari bahawa, sehari dua sebelum seseorang orang tahanan tiba di sesuatu tempat tahanan, dia tentulah, untuk mematuhi peruntukan-peruntukan yang telah disebut tadi, telah diberitahu tentang haknya, dan telah diberi borang-borang untuk membuat representasi, dan bahawa, apabila dia tiba di tempat itu, dia tentulah ada borang-borang itu bersamanya. Saya tidak dapat membayangkan penggubal-penggubal itu memikirkan secara serius bahawa, dalam hal-hal keadaan seperti itu, ada orang tahanan yang akan melupakan haknya untuk membuat representasi. Pada waktu dia hilang kebebasannya, dia telah diberitahu tentang apa yang dia dapat lakukan untuk mendapat balik kebebasannya. Adalah tidak mungkin dia akan melupakan maklumat itu, yang mana adalah maklumat yang paling berharga baginya pada masa itu, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa alat untuk menggunakan maklumat itu juga diletakkan dalam tangannya dan terus berada bersamanya selepas itu. Namun demikian, penggubal-penggubal itu nampaknya mendapati orang tahanan itu perlu diingatkan tentang haknya itu setibanya di tempat tahanan. Bagi diri saya, saya mengaku tidak dapat memikirkan sesuatu sebab yang 'palpable' mengapa mereka memikirkan peringatan itu perlu.

Parlimen sendiripun tidak menjangka bahawa peringatan itu perlu. Parlimen berpuas hati meninggalkan perkara itu hanya setakat memberitahu orang tahanan pada masa disampaikan perintah tahanan kepadanya, sebagaimana diperuntukkan oleh sub-s (2)(a) s 9 Akta itu. Sekiranya Parlimen memikirkan perlu memberi peringatan lagi, mereka tentulah akan terus mensyaratkannya dalam s 9 juga. Tidak juga ternampak bahawa Parlimen berniat untuk menyerahkan soal memberi peringatan itu kepada kaedah-kaedah. Kuasa untuk membuat Kaedah-Kaedah 1987 itu adalah diberi dalam sub-s (3). Perenggan (3) itu adalah sebahagian daripada Kaedah-Kaedah 1987 itu yang dibuat di bawah subseksyen itu, tetapi kaedah-kaedah yang Parlimen membenarkan dibuat adalah 'kaedah-kaedah mengenai cara bagaimana representasi-representasi boleh dibuat dan bagi mengawalselia prosedur Lembaga Penasihat'. Kaedah-kaedah yang dibenarkan itu adalah kaedah-kaedah prosedural tentang cara membuat representasi dan cara Lembaga Penasihat bergerak, iaitu kaedah-kaedah mengenai perkara-perkara yang terjatuh dalam bidang atau peringkat pelaksanaan hak yang diberi oleh sub-s (3) itu bahawa kaedah-kaedah itu akan menyentuh soal menyedarkan orang tahanan tentang haknya itu, yang mana adalah terjatuh dalam bidang atau peringkat sebelum itu dan sudahpun diperuntukkan oleh s 9(2)(a).

Encik Oh menyarankan satu sebab bagi memerlukan peringatan itu. Beliau berkata bahawa, jika penahanan seseorang itu tidak sah, dia sepatutnya dibebaskan secepat mungkin. Maka tujuan perenggan (3) itu ialah supaya seseorang orang tahanan itu mengambil langkah segera supaya dia dibebaskan secepat mungkin. Saya rasa apa yang Encik Oh maksudkan ialah bahawa, jika ada sesuatu tentang hal-hal keadaan penahanan orang tahanan itu yang mungkin akan menggerakkan Lembaga Penasihat supaya mengesyorkan pembebasannya, lebih cepat dia memasukkan representasinya, lebih cepatlah keputusan tentang pembebasannya akan dibuat. Oleh yang demikian adalah

perlu mengingatkannya tentang haknya supaya dia tidak akan lengah memasukkan representasinya. Sebab yang disarankan itu boleh diterima sekiranya perenggan (3) itu adalah suatu kaedah yang bersifat menggesa. Tetapi ia tidak bersifat menggesa. Tujuannya adalah mengingatkan, bukan menggesa. Maka sebab yang mungkin bagi kaedah itu hanyalah untuk mengingatkan kalau-kalau seseorang itu berlengah; tetapi, sebagaimana saya cuba tunjukkan tadi, tidaklah ada sebarang sebab bagi mengkhuatiri secara serius bahawa seseorang orang tahanan itu akan terlupa akan haknya untuk membuat representasi.

Atas sebab-sebab itu, saya berpendapat bahawa perenggan (3) itu bukanlah suatu kaedah mandatori. Sekiranya ia adalah suatu kaedah direktori pula, akan perlulah pula menimbang, dalam pemakaiannya kepada ketidakpatuhan dalam kes ini, undang-undang tentang akibat ketidakpatuhan kepada sesuatu kaedah direktori, sebagaimana dinyatakan dalam kes-kes seperti *Punjab Co-operative Bank Ltd, Amritsar v CIT Lahore*[6] dan *Pratap Singh v Sri Krishnan*,[7] yang dirujuk dalam kes *Puvaneswaran*[4] itu. Tetapi tidak juga saya berpendapat bahawa perenggan itu adalah kaedah direktori. Ia adalah suatu kaedah yang, pada pendapat saya, atas sebab-sebab yang telah dinyatakan tadi, Parlimen tidak menganggap perlu dibuat dan tidak bermaksud akan dibuat, dan ketidakpatuhan kepada sesuatu kaedah seperti itu tidak mungkin membawa apa-apa akibat di sisi undang-undang.

Oleh yang demikian, pemohon gagal juga atas alasan ini, dan saya menolak permohonannya.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Anne Khoo